

IMPLIKASI INTERVENSI MODUL *MAQASID SYARIAH* TERHADAP PROSES KAUNSELING DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

Noorismail Omar¹

Sekolah Kebangsaan Berapit, Tikam Batu, Kedah

Emel: *laksmanasanun@gmail.com*

Mohd Suhadi Mohamed Sidik² & Nor Hernamawarni Abd Majid³

Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Abstrak

Kepincangan dan kegagalan dalam mengurus masalah yang timbul dalam kalangan pasangan suami isteri menjadi isu yang sangat dibimbangi hingga membawa kepada pergaduhan, permusuhan dan perceraian. Isu utama ialah masalah kewangan, gangguan orang ketiga, penderaan fizikal dan mental. Dalam menangani permasalahan ini, proses membuat keputusan amat penting sama ada hubungan itu dapat dipelihara secara baik dan konsisten atau terus kepada perceraian. Proses membuat keputusan boleh di buat secara sedar atau tidak sedar mengikut situasi seseorang. Keputusan yang dibuat juga perlu diambil perhatian oleh kaunselor supaya keputusan yang dibuat tidak akan memberi kesan yang buruk (De Finetti, 1970). Proses membuat keputusan penting bagi membantu pasangan mencari penyelesaian yang terbaik. Pengenalan pendekatan aplikasi elemen *maqasid syariah* adalah satu pendekatan agama yang memberi penekanan terhadap pemeliharaan aspek-aspek utama kehidupan dalam proses membuat keputusan. Sebagai satu pendekatan agama yang berlandaskan matlamat syarak, klien masih mempunyai hak kebebasan dalam membuat keputusan. Penggunaan teori dan elemen dalam *Maqasid Syariah* dilihat dapat membantu pasangan membuat penilaian baik dan buruk dengan meletakkan konsep *dhururiyat*, *hajjiyat* dan *tahsinniyat* (DHT) sebagai panduan kepada kaunselor untuk menolong klien yang mempunyai masalah dalam perceraian (Mohd Suhadi, 2018). Kertas kerja ini akan menghuraikan secara konsep berkaitan pengertian secara menyeluruh proses membuat keputusan, kajian-kajian lepas, elemen *Maqasid Syariah* (DHT) dan kajian yang akan di jalankan kepada pasangan yang telah berkahwin dalam membantu membuat keputusan berdasarkan *maqasid syariah*.

Kata Kunci : Proses membuat keputusan, elemen *Maqasid Syariah*.

Abstract

Defects and failures in managing problems that arise among married couples become issues that are very worrying leading to fights, enmity and divorce. The main issues are financial problems, third party harassment, physical and mental abuse. In dealing with this problem, the decision-making process is very important whether the relationship can be maintained well and consistently or directly to divorce. The decision-making process can be made in uncertain or random conditions. Decisions made should also be taken into account by counselors so that the decisions made will not have a negative impact (De Finetti, 1970). The decision-making process is important to help couples find the best solution. The introduction of the application approach of the elements of Maqasid Syariah is a religious approach that emphasizes the preservation of the main aspects of life in the decision-making process. As a religious approach based on Islamic goals, clients still have the right to freedom of decision.

The use of theories and elements in the Maqasid Syariah can be seen to help couples make good and bad assessments by placing the concept of dhururiyat, hajjiyat and tahsinniyat (DHT) as a guide to counselors to help clients who have problems in divorce (Mohd Suhadi, 2018). This paper will describe conceptually related to the comprehensive understanding of the decision-making process, past studies, elements of Maqasid Syariah (DHT) and studies that will be conducted to married couples in helping to make decisions based on syariah maqasid.

Keywords: *Decision making process, elements of Maqasid Shariah.*

PENGENALAN

Kertas konsep ini akan menjelaskan senario yang berlaku dalam permasalahan rumahtangga yang menyebabkan berlakunya penceraian dan latar belakang kaunseling keluarga dan perkahwinan. Kajian juga akan memperjelaskan isu, permasalahan kajian dan keperluan pembinaan modul *Maqasid Syariah* berdasarkan *dhururiyat, hajjiyat dan tahsinniyat* dalam membantu pasangan membina persefahaman yang lebih baik. Selain itu, kertas konsep ini akan menjelaskan tentang proses membuat keputusan berdasarkan empat dimensi iaitu tanggungjawab, komunikasi, kerjaya dan agama secara menyeluruh. Kertas konsep ini juga akan membincangkan proses-proses membuat keputusan serta kesan baik dan kesan buruk terhadap keputusan yang akan di ambil. Selain itu juga, penerangan secara terperinci setiap dimensi yang berkaitan yang saling berkait dengan elemen *Maqasid Syariah* dan teori-teori yang berkaitan yang melengkapi kertas konsep ini.

Pembentukan keluarga yang bahagia merupakan teras dalam sistem sosial masyarakat. Pandangan umum melihat keluarga yang bahagia akan menjadi contoh tauladan kepada masyarakat sekeliling. Alam perkahwinan sudah tentu menjanjikan keindahan kepada pasangan yang baru mendirikan rumah tangga, namun sebaliknya kehidupan yang indah akan menjadi sengsara dunia andai alam yang mereka tempuhi ini mempunyai banyak halangan dan dugaan yang memungkinkan berlakunya penceraian, perbalahan dan pergaduhan.

Definisi

Maqasid Syariah adalah makna-makna yang dikenal pasti dan ditetapkan oleh *syarak* pada hukum-hukum *syarak (aqidah, ibadah, muamalah)* bagi memastikan perhambaan (*'ubdiyyah*) kepada Allah dan kebaikan (*maslahah*) kepada makhluk dunia dan akhirat (Al-Jundi, 2013). Menurut al-Fasi (1966) pula menyatakan bahawa *maqasid syariah* adalah tujuan dan rahsia yang ditentukan oleh syariat Islam untuk melindungi dan memelihara kepentingan individu dan pihak lain berhubung aspek-aspek utama kehidupan.

Matlamat kaunseling adalah untuk membantu klien membuat keputusan yang baik. Setiap keputusan yang dibuat akan memberi kesan kepada proses pemulihan sama ada dalam isu kekeluargaan yang berkait rapat dengan isu penceraian seperti tidak persefahaman, tiada tanggungjawab, kerjaya yang tidak menentu, kegagalan komunikasi dan kurang didikan agama. Proses membuat keputusan penting bagi membantu pasangan mencari penyelesaian yang terbaik. Menurut Dilley (1967) membuat keputusan perlu difikirkan, dibincangkan dan dibuat menggunakan perkataan dan simbol dimana hasilnya berlaku dalam kehidupan sebenar. Setiap individu berkenaan perlu memberi perhatian tentang di akhir-akhir kehidupannya apa yang akan diperolehi hasil daripada keputusan yang dibuat. Semakin hampir setiap perbuatan dan corak hidup kita akan mencerminkan peristiwa dalam kehidupan

yang nyata, maka semakin baik keputusan dalam kehidupan yang sebenar akan diperolehinya.

Proses membuat keputusan boleh dibuat dalam keadaan pasti atau secara rawak. Setiap tindakan boleh menimbulkan hanya satu atau beberapa kemungkinan akibat daripada keputusan yang dibuat. Kaunselor mesti menolong klien untuk mengetahui kemungkinan akibat tindakan yang diambil dan menetapkan beberapa kriteria pilihan tidaklah terlalu optimis dan susah untuk dibuat keputusan. Seorang klien perlu dibantu oleh kaunselor dalam proses membuat keputusan berdasarkan kesesuaian pendapat yang dinyatakan klien tersebut. Keputusan yang dibuat juga perlu diambil perhatian oleh kaunselor supaya keputusan tersebut tidak akan memberi kesan yang buruk (De Finetti, 1970).

Membuat keputusan merujuk kepada pilihan yang dibuat melalui pelbagai alternatif yang sedia ada. Pilihan yang dibuat oleh pasangan merupakan suatu objektif kepada keputusan yang telah dibuat. Maka dalam penilaian alternatif yang dipilih, seseorang individu atau pasangan suami isteri sudah tentu berminat untuk mengetahui akibat daripada tindakan, ekoran daripada pilihan yang dibuatnya. Pilihan juga melibatkan elemen-elemen seperti ketidakpastian tentang apa yang dibuat. Menurut, Ofstad (1961) menyatakan bahawa seseorang yang telah membuat keputusan mungkin bermaksud bahawa dia telah memulai serangkaian reaksi tingkah laku yang memihak kepada sesuatu, atau mungkin bererti dia telah memutuskan untuk melakukan tindakan tertentu di mana dia tidak ragu-ragu tentang apa yang dia harus lakukan.

Proses membuat keputusan penting kepada individu atau pasangan yang mempunyai masalah dalam keluarga. Hasil daripada keputusan yang dibuat akan dapat menghasilkan natijah yang lebih baik. Kesan daripada keputusan yang dibuat berkemungkinan hubungan kembali menjadi baik, pasangan saling menerima kekurangan diri dan meningkatkan kembali persefahaman. Selain itu juga, emosi individu atau pasangan kembali normal dan boleh berkomunikasi dengan baik. Namun begitu, terdapat juga kesan yang difikirkan kurang baik seperti akan berlakunya perpisahan. Mungkin ini yang terbaik bagi individu tersebut. Selain itu, juga, akan terdapat konflik keluarga, penjagaan anak-anak, kewangan dan sebagainya. Isu-isu ini akan timbul hasil daripada keputusan yang dibuat setelah rawatan atau kaunseling diberikan. Rawatan yang diberikan mestilah boleh memberi kesan yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, pengkaji berpendapat membuat keputusan amatlah penting apabila seseorang klien atau pasangan tersebut menghadapi kebuntuan dalam mencari penyelesaian yang lebih baik bagi pasangannya. Penekanan elemen *maqasid syariah* dalam membuat keputusan dapat memastikan aspek *maqasid syariah* dalam aspek pemeliharaan akal, nyawa, agama, harta dan keturunan dapat dijaga dengan baik dengan merujuk kepada tingkatan permasalahan yang dihadapi dalam perhubungan suami dan isteri. Jika proses membuat keputusan berpandukan kepada kaedah *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsniyyat*, pengkaji yakin kebolehan membuat keputusan dengan rawatan yang betul boleh membantu memperbaiki hubungan suami isteri kepada hubungan yang lebih baik dan mesra sehingga membawa kepada kebahagiaan di dalam rumahtangga yang mawaddah.

Ciri-Ciri, Kesan Dan Punca Isu

Pada masa kini, proses membuat keputusan tidak dipraktikkan secara berkesan kepada klien yang hadir untuk sesi kaunseling di mana-mana pejabat agama. Hasil daripada pemerhatian

pengkaji yang pernah membuat praktikum di pejabat agama, kebanyakan klien yang hadir lebih menjurus kepada keputusan perlu dibuat segera. Pasangan yang hadir sesi kaunseling, akan lebih berharap perunding cara memberi keputusan segera atas permintaan yang mereka perlukan. Jika mereka hadir untuk bercerai, penceraian tersebut perlu dilaksana segera, tidak berlaku proses membuat keputusan seperti klien diberi bimbingan, perbincangan serta proses-proses sebelum keputusan untuk bercerai atau berpisah dibuat. Di sinilah pengkaji melihat perlunya kepada proses membuat keputusan yang merangkumi kepada konstruk-konstruk seperti pelaksanaan tanggungjawab sebagai suami dan isteri, kerjaya yang menjadi pilihan, komunikasi yang baik atau lemah serta didikan agama yang perlu dititikberatkan. Penilaian terhadap aspek-aspek ini perlu seiring dengan *Maqasid Syariah* iaitu berpaksikan kepada elemen-elemen maqasid iaitu *dhururiyat*, *hajjiyat* dan *tahsinniyat*.

Pengkaji melihat beberapa isu di dalam keluarga misalnya ketidaksefahaman di kalangan pasangan yang berkeluarga antara punca berlakunya penceraian. Statistik penceraian meningkat dari semasa ke semasa. Sehingga Mei 2019, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengeluarkan data yang menunjukkan empat negeri berlaku peningkatan penceraian di mana Negeri Selangor mencatat penceraian sebanyak 8,794, diikuti negeri Johor 4,451, Kedah 3,551 dicatatkan dan negeri Perak sebanyak 1,249. Statistik yang tinggi ini amat membimbangkan. Isu utama ialah masalah kewangan, gangguan orang ketiga, penderaan fizikal, ketidaksefahaman dan mental. Jika dilihat secara menyeluruh, ketidaksefahaman ini boleh dikatakan penyebab penceraian dimana aspek tanggungjawab dalam kalangan pasangan, kurangnya komunikasi yang baik, kerjaya yang tidak tetap serta kurang didikan agama antara punca berlakunya ketidaksefahaman yang baik. Sebagai ketua keluarga, seorang suami sudah tentu mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menguruskan sebuah keluarga. Suami sudah tentu perlu menyediakan kemudahan asas dan prasarana yang baik seperti rumah, kemudahan elektrik, air, kenderaan serta pakaian yang bersesuaian dengan kemampuan sebagai ketua keluarga. Isteri juga bertanggungjawab sebagai pemberi sokongan kepada suami dengan cara membantu suami mencari rezeki, mengurus rumah dan saling bergantung antara satu sama lain. Menurut agama Islam, hak dan tanggungjawab suami isteri dibahagikan kepada tiga bahagian. Hak ini perlu ditunaikan tanggungjawab oleh kedua-duanya. Sekiranya hak ini tidak dilaksanakan dengan baik, maka akan berlakunya isu-isu yang akan mengherat ke arah penceraian.

Menurut Muhammad dan Jasmi (2004) dalam kajian yang dijalankan mendapati hak dan tanggungjawab suami isteri perlu diberi hak yang sama seperti suami isteri berhak menikmati dan mengecapi kenikmatan dan kebahagiaan hidup berumah tangga. Mengadakan hubungan kelamin selama mana tidak melampaui daripada batasan yang ditetapkan oleh syarak. Selain itu juga, setiap suami isteri berhak mendapatkan ketenteraman, kasih sayang dan belas kasihan yang menjadi matlamat utama kepada ikatan perkahwinan. Kesan daripada tujuan perkahwinan ini, suami isteri sepatutnya sentiasa disuburkan dengan layanan, perlakuan dan pergaulan yang baik. Seterusnya mereka berhak terhadap hubungan kekeluargaan kedua-dua pihak hasil daripada perkongsian hidup yang dilangsungkan. Beberapa hukum yang berkaitan dengan perbesanan seperti yang ditetapkan oleh syarak perlu diberikan perhatian oleh kedua-dua belah pihak. Hubungan antara keluarga merupakan hak yang patut dijaga dengan baik agar tidak menimbulkan sebarang kekeliruan. Anak-anak yang terhasil daripada hubungan perkahwinan yang sah perlu dinasabkan kepada suami. Suami atau isteri berhak membina atau membintikan anak yang dilahirkan kepada suami. Tanggungjawab ini perlu diberi perhatian kepada pasangan yang berkeluarga. Jika hak-hak

ini tidak diikuti atau dilaksana dengan baik, maka di akhir nanti akan timbul perbalahan tentang tanggungjawab masing-masing sehingga membawa kepada perceraian.

Komunikasi yang lemah dalam kalangan pasangan suami isteri juga menjadi punca perceraian sering berlaku dalam kalangan warga tempatan. Menurut Hasniza et al., (2011) dengan baik. Ini khususnya apabila anak-anak telah mula meningkat remaja di mana pada waktu tersebut mereka mula berupaya untuk membina identiti dan membuat keputusan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Barnes dan Olson (1985) menunjukkan apabila komunikasi di antara ibu bapa dan anak remaja berlangsung dengan baik, hubungan keluarga semakin rapat, wujud hubungan kasih sayang dan seterusnya memudahkan sebarang penyelesaian masalah. Menurutnya lagi, komunikasi adalah satu proses yang memudahkan pembinaan kohesi dan penyesuaian di kalangan keluarga. Komunikasi yang baik antara suami dan isteri akan mewujudkan suasana yang harmoni.

Pemilihan kerjaya yang baik juga penting kepada sesebuah keluarga. Andai ketua keluarga iaitu suami mempunyai kerjaya yang baik dan mampu menyediakan kemudahan-kemudahan kepada keluarganya, sudah tentu mampu memberi sedikit kebahagiaan. Kewangan yang baik bukanlah penentu kepada kebahagiaan sesebuah keluarga. Ianya perlu di adun dengan baik agar seiring dalam pembentukan sesebuah keluarga yang sakinah. Kerjaya yang hebat juga boleh menyebabkan masalah dalam keluarga. Misalnya seorang isteri bekerja sebagai doctor, manakala suami bekerja sebagai pemandu lori, perbezaan kerjaya di sini akan menimbulkan ketidakseimbangan antara pasangan. Seorang doktor terikat dengan jadual yang padat sehingga terpaksa membuat kerja tambahan, manakala seorang pemandu lori sentiasa berada diluar rumah berhari-hari kerana tugas sebagai pemandu lori yang memerlukan komitmen dan perjalanan yang jauh. Kesesuaian kerjaya dalam pemilihan pasangan amat penting bagi memberi kesan dan kebaikan kepada pasangan tersebut.

Keperluan didikan agama amat penting dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Keluarga yang bahagia mempunyai seorang ketua keluarga yang saling bergantung dengan penciptanya. Isteri yang solehah sudah tentu menjadi dambaan para suami. Keluarga yang bahagia akan mempunyai ciri-ciri yang baik. Menurut Noor Syaibah, Norazilah, Norhasima dan Syazwana (2016), individu yang kurang didikan agama cenderung untuk tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dalam rumahtangga. Keadaan ini kemudiannya membawa kepada perceraian. Faktor ini sebenarnya adalah faktor terpenting yang perlu dititikberatkan kepada pasangan beragama Islam mahupun bukan beragama Islam. Ketirisan ilmu agama dalam kalangan pasangan menyebabkan pasangan tidak mengetahui tanggungjawab sebenar mereka sebagai suami isteri. Aamato dan Rogers (1997) pula mendapati kehadiran yang merosot ke tempat ibadah (gereja) adalah berkait rapat dengan kemungkinan meningkatnya masalah-masalah yang dilaporkan bermula dengan cemburu, kemuraman, kecurangan, tingkahlaku negatif, pembaziran wang, penggunaan bahan terlarang dan juga mabuk.

Secara umumnya, pengkaji percaya bahawa isu-isu yang dinyatakan seperti ketidaksefahaman, masalah komunikasi yang lemah dengan pasangan, kurang didikan agama serta kerjaya yang tidak menjanjikan kesenangan adalah faktor-faktor yang boleh menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan dalam perhubungan suami isteri dan keluarga. Sehubungan dengan itu, satu alternatif rawatan yang boleh membantu klien adalah dengan membantu mereka membuat keputusan yang celik akal dengan menekankan elemen-elemen

dalam *maqasid syariah* sebagai asas kepada perubahan yang lebih baik. Jika isu-isu ditangani dengan sebaik mungkin, sedikit sebanyak keruntuhan rumahtangga yang semakin hari semakin meningkat dapat diatasi dengan rawatan yang sepatutnya seperti modul *maqasid syariah* yang cuba diketengahkan oleh pengkaji sebagai kaedah dan alternatif rawatan yang boleh digunakan oleh semua kaunselor, para perunding cara bagi membantu klien dalam membuat keputusan yang lebih baik.

Bagaimana Kaunselor Membantu

Cabaran dalam membantu masyarakat ialah bagaimana kaunselor dapat membantu mereka mengatasi perasaan malu dan segan untuk berjumpa kaunselor bila menghadapi masalah. Kebanyakan pasangan malu untuk berjumpa dengan kaunselor kerana bimbang situasi dan keburukan rumahtangga mereka diketahui orang. Tiada modul yang khusus untuk membantu para kaunselor melaksanakan aktiviti yang bersesuaian terutama sekali yang berkait rapat dengan elemen-elemen *maqasid syariah*.

Pengkaji melihat manual ini dibuat secara menyeluruh untuk semua aspek yang ada. Namun begitu, penekanan tentang isu-isu serta aktiviti yang bersesuaian tidak ditulis dalam manual ini. Manual ini lebih kepada pandangan umum tentang keperluan kepada perunding cara untuk menggunakan kaedah yang bersesuaian. Pengkaji juga melihat manual ini tidak digunakan secara bersungguh-sungguh mungkin disebabkan faktor klien yang hadir dengan isu yang berbeza-beza disamping perunding cara itu sendiri tidak tahu menggunakan manual yang disediakan. Dengan adanya modul yang bersesuaian sedikit sebanyak boleh membantu para perunding cara mahupun para kaunselor menggunakan modul yang lebih baik dan lebih terperinci serta mesra pengguna.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS BERKAITAN ISU

Kajian berkenaan keberkesanan elemen *maqasid Syariah* dalam kaunseling khususnya dalam permasalahan keluarga, penceraian dan keganasan rumahtangga tidak banyak diperbincangkan secara ilmiah dan menjurus secara lebih mendalam. Pengenalan model *maqasid syariah* iaitu *dharuriyyah*, *hajjiyyah* dan *tahsinniyah* dalam kaunseling oleh Mohd Suhadi (2018) merupakan model yang baru dan belum dikaji secara menyeluruh keberkesanan model ini. Justeru itu, pengkaji mengangkat model ini untuk dikembangkan dan dijadikan sebagai modul bagi melihat keberkesanan dalam proses membuat keputusan dalam kalangan pasangan yang berkahwin.

Elemen *maqasid syariah* dalam kaunseling keluarga dilihat mampu diterjemahkan dengan lebih baik melalui kefahaman dan penerimaan dalam *maqasid* dengan meletakkan suatu hala tuju yang lebih baik. Menurut Siti Shamsiah (2017) dalam akhbar Utusan Malaysia bertajuk Menunaikan Prinsip *Maqasid Al-Syariah* melihat kefahaman dan penerimaan *maqasid syariah* dalam konteks kekeluargaan akan meletakkan suatu hala tuju bahawa keluarga yang stabil adalah keluarga yang dapat memelihara, mempertahankan dan menyediakan elemen-elemen *maqasid* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan serta harta akan melahirkan keluarga yang sakinah.

Penggunaan elemen *maqasid Syariah* dilihat dapat membantu pasangan membuat penilaian baik dan buruk dengan meletakkan konsep *dhururiyat*, *hajjiyat* dan *tahsinniyat* (DHT) sebagai panduan kepada kaunselor untuk menolong klien yang mempunyai masalah

dalam perceraian. Kajian ini hanya mengemukakan model tetapi tiada modul yang dibina sebagai panduan kepada para kaunselor (Mohd Suhadi, 2018).

Kesimpulannya, pengkaji melihat keperluan modul *maqasid Syariah* dalam proses membuat keputusan amat diperlukan sebagai satu intervensi alternatif dalam membantu klien membuat keputusan yang lebih baik. Keperluan modul ini berdasarkan model *maqasid Syariah* akan membuka ruang yang lebih luas kepada para pengkaji, kaunselor dan perunding cara bagi mencari jalan keluar kepada permasalahan rumahtangga yang sering berlaku.

TEORI DAN MODEL KAUNSELING

Model *Maqasid Syariah*

Teori *maqasid syariah* ini dipelopori oleh tokoh ilmuan Islam iaitu imam al-Syatibi dan Izz al-Din ibn Abd al-Salam yang merupakan tokoh terkemuka dalam *maqasid Syariah*. Sejarah telah merakamkan bahawa perkembangan ilmu *maqasid Syariah* pada zaman 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam yang hidup pada kurun ketujuh bergerak secara mendatar. Sementara itu, Imam al-Syatibi yang hidup di akhir kurun ketujuh dan pertengahan kurun kelapan telah memberi satu dimensi baru dalam bidang ilmu usul al-*fiqh* khususnya dalam disiplin ilmu *maqasid Syariah*.

Dalam konteks ini, *maqasid* yang dimaksudkan ialah maqasid atau objektif yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum dan sekiranya diteliti dalam kitab al-*muwafaqat*, dapat dilihat bahawa Imam al-Syatibi memberi pengertian sebagai kemaslahatan umat manusia. Malah, beliau mengatakan bahawa taklif adalah untuk merealisasikan kemaslahatan hamba. Sebagai rumusan, pengertian *maqasid al-syari'ah* menurut Imam al-Syatibi secara umumnya ialah *maqasid al-syari'ah* yang bertujuan mengeluarkan seorang mukallaf daripada lingkaran hawa nafsunya sehingga ia menjadi hamba Allah SWT secara suka rela (Abu Ishaq Ibrahim al-Syatibi, 1996).

Menurut Imam al-Syatibi, antara fokus utama yang perlu difahami ialah Allah SWT mencipta syariat dengan tujuan untuk merealisasikan *maqasidnya* untuk semua manusia iaitu untuk memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada mereka dan mengelakkan kerosakan atau keburukan (*mafsadah*) daripada menimpa mereka. Menurutnya segala apa yang disyariatkan tidak terlepas daripada *maqasid al-syari'ah*. Ia dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kepentingan asas (*al-Daruriyyat*), keperluan biasa (*al-Hajjiyyat*) dan keperluan mewah (*al-Tahsinniyyat*).

Elemen dalam *maqasid syariah* ini pula dibahagikan kepada tiga iaitu kepentingan asas (*al-Daruriyyat*), keperluan biasa (*al-Hajjiyyat*) dan keperluan mewah (*al-Tahsinniyyat*). Elemen ini telah dibawa ke dalam kaunseling melalui model DHT yang dikaji oleh (Mohd Suhadi, 2019) telah melihat bahawa terdapatnya hubung kait dalam proses membuat keputusan mempunyai elemen-elemen di atas yang merangkumi dan mencakupi agama, akal, nyawa, harta dan keturunan. Dalam kajian beliau juga, mendapati elemen-elemen tersebut wujud ketika proses membuat keputusan dalam sesi kaunseling yang dijalankan.

Kaunseling Keluarga

Terapi keluarga Adler menyediakan satu sistem kepercayaan, rangka kerja dan rasional yang merangkumi faktor-faktor sosiobudaya yang perlu untuk memahami klien Afrika-Amerika, pengalaman sejarah, prasangka perkauman, penindasan dan rangkaian keluarga mereka.

Terapi keluarga Adlerian menekankan hubungan interpersonal yang harmoni, saling bergantung, dan tanggungjawab bersama untuk mewujudkan keharmonian dan keamanan (Sherman & Dinkmeyer, 2014).

Terapi keluarga Adlerian telah mengemukakan empat tahap atau peringkat dalam proses kaunseling keluarga yang kini menjadi asas kepada amalan proses kaunseling keluarga. Empat peringkat dalam kaunseling keluarga iaitu a) perhubungan (Relationship) b) penilaian dan analisis (Analysis and Assessment) c) Celik akal (Insight) dan d) Orientasi semula/pendidikan semula (reorientation/reeducation). Proses kaunseling yang diintegrasikan dengan elemen-elemen yang baru mampu memberi nafas yang baru kepada dunia kaunseling. Pendekatan dan pembaharuan dalam teknik yang digunakan mampu memberi satu sinar baru kepada pasangan yang berfikir untuk bercerai.

Hubungan perkahwinan adalah hubungan interpersonal. Terapi perkahwinan Adlerian melihat hubungan perkahwinan sebagai satu sistem, di mana input dari setiap pasangan baik memperbaiki hubungan atau merangsang percanggahan pendapat dan konflik (Carlson & Dinkmeyer, 1987). Pergerakan psikologi antara pasangan adalah bertujuan untuk merungkai niat, perasaan, dan nilai. Dalam terapi perkahwinan, adalah mustahak untuk memerhatikan dan mempercayai apa yang dilakukan oleh pasangan, bukannya memusatkan perhatian pada apa yang mereka katakan. Terdapat penekanan yang berlebihan pada komunikasi lisan antara pasangan. Sudah tentu komunikasi itu penting, tetapi pergerakan, atau apa yang sebenarnya dilakukan oleh pasangan, lebih jelas lagi.

Kepentingan Kajian

Kajian berkenaan elemen-elemen *maqasid syariah* dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan masih baru di Malaysia. Elemen-elemen ini segar dan mempunyai perkaitan yang saling berhubung dengan *dharuriyyat*, *hajjiyyat* dan *tahsinniyyat*. Kajian juga mendapati bahawa aplikasi *maqasid Syariah* ketika membuat keputusan akan lebih meyakinkan apabila elemen *maqasid Syariah* dijadikan sebagai panduan dalam membuat keputusan yang lebih baik. (Mohd Noor Saper & Nurul Áin Mohd Daud dan Mohd Suhadi Mohamed Sidik, 2019).

Manual Kaunseling *Syari'e* yang diterbitkan pihak JAKIM merupakan panduan asas kepada kaunselor dalam membantu klien membuat keputusan yang lebih baik. Justeru, dalam menambahbaik manual kaunseling *syari'e* ini, pembinaan modul *maqasid Syariah* dalam membantu proses membuat keputusan dalam kaunseling perkahwinan akan menjadi panduan dan intervensi yang lebih baik daripada yang sedia ada.

Kajian ini juga akan menjadi panduan utama kepada kaunselor dalam membantu klien membuat keputusan yang positif berdasarkan modul *maqasid Syariah* ini yang di dalamnya mempunyai intervensi, rawatan dan aktiviti yang boleh meningkatkan keseimbangan emosi pasangan kepada perasaan yang lebih baik jika ianya dilaksanakan secara menyeluruh di samping menjadikan manual kaunseling *syari'e* sebagai rujukan kedua dalam proses membuat keputusan yang positif.

Hasil kajian ini juga membolehkan ahli-ahli akademik, kaunselor, pegawai runding cara memilih menggunakan intervensi yang lebih baik dan mengkhususkan kepada elemen-elemen *maqasid syariah* yang diperlukan. Para perunding cara khususnya di JAKIM, Pejabat-pejabat Agama Negeri dan Daerah mempunyai alternatif selain menggunakan manual

kaunseling *syari'e* sedia ada, mereka boleh menggunakan modul *maqasid syariah* sebagai intervensi dan pendekatan yang lebih baik.

Pengkaji juga berpandangan bahawa kajian ini boleh memberi manfaat kepada pengamal kaunseling perpekstif Islam dan pengamal kaunseling *syari'e* dalam mencari modul yang bersesuaian dalam menanggapi isu rumahtangga. Modul ini akan menjadi panduan terbaik dan penting kepada institusi keagamaan terutamanya JAKIM. Pihak JAKIM khususnya boleh menjadikan modul ini sebagai panduan terutamanya dalam kursus-kursus selepas perkahwinan dan boleh membantu mencari persefahaman dan keserasian yang lebih baik. Proses membuat keputusan juga akan merujuk kepada elemen-elemen di dalam *maqasid syariah* itu sendiri.

Selain itu, kajian ini juga masih belum diterokai oleh mana-mana pengkaji. Modul dalam *maqasid Syariah* terhadap membuat keputusan dalam kaunseling belum dibuat dan penting bagi pengkaji untuk melaksanakannya sebagai permulaan agar ianya menjadi ikutan dan dibuat penambahbaikan supaya boleh membantu pasangan-pasangan muda diluar sana supaya tidak memilih penceraian sebagai jalan pertama untuk menyelesaikan masalah mereka.

KESIMPULAN

Proses membuat keputusan amat penting kepada pasangan dalam mencari penyelesaian terbaik supaya hubungan sedia ada boleh dipulihkan serta memberi wadah yang baru dalam hubungan sebagai suami isteri. Suntikan elemen *maqasid syariah* dalam proses membuat keputusan yang mementingkan kepada elemen *maqasid* iaitu *dharuriyyat*, *hajjiyyat* dan *tahsinniyyat* sudah tentu akan terdapat perubahan yang lebih baik. Apabila terbinanya modul ini nanti, sudah pasti akan menjadi salah satu rawatan pilihan atau intervensi yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada para kaunselor, pensyarah, pendidik serta ahli akademik tentang perlunya elemen *maqasid syariah* dalam proses membuat keputusan dalam kaunseling keluarga.

RUJUKAN

- Abu Ishaq Ibrahim al-Syatibi (1996), *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Jil. 1, Beirut: Dar al-Ma'rifah h21
- Al-Jundi, Samih Abd al-Wahhab, *Ahammiyyah al-Maqasid fi al-Shari'ah al-Islamiyyah* (Damsyik : Mu'assasah-al-Risalah, 2013).
- Amato, P. R., & Rogers, S. J. (1997). A longitudinal study of marital problems and subsequent divorce. *Journal of Marriage and the Family*, 59, 612–624.
- Barnes, H. L. & Olson, D. H. (1985). Parent-adolescent communication and the circumplex model. *Child Development* 56: 438-447.
- Carlson, J., & Dinkmeyer, D. (1987). Adlerian marriage therapy. *American Journal of Family Therapy*, 15(4), 226–332.
- De Finetti, B. (1970). *Teoria delle probabilita*. Einaudi, Torino. Published in English as "Theory of Probability", J. Wiley, New York, (1974).
- Dilley, J. S. (1967). Decision-Making: A Dilemma and a Purpose for Counseling. *The Personnel and Guidance Journal*, 45(6), 547–551.
- Hasniza, C. H. E., Noh & Yusoooff, F. (2011). Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu Di Terengganu. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 3(2), 45-62–62.

- Muhammad, A & Jasmi, K. A. (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di kalangan Orang-orang Melayu in *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 at Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya*, on 29-30 May 2004 , pp 1-8.
- Mohd Noor Saper & Nurul Áin Mohd Daud Mohd Suhadi Mohamed Sidik. (2019). Pelaksanaan Konsep Dharuriyyat, Hajiyyat Dan Tahsiniyyat (DHT) Dalam Membuat Keputusan Semasa Proses Kaunsleing Keluarga Dan Perkahwinan. *Journal of Syarie Cunseling. Vol 1:1, 10-19.*
- Mohd Suhadi Mohamed Sidek. (2018). “Aplikasi Elemen Maqasid Shariah Dalam Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan”. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Sultan Idris (UPSI), Malaysia.
- Noor Syaibah, S., Norazilah, J., Norhasima, A., & Syazwana, A. (2016). Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (Paidhl): Eksplorasi Faktor. *Sains Sosial, 1*, 36–52.
- Ofstad, Harold (1961). *An Inquiry into the Freedom of Decision*. Oslo: Norwegian Universities Press.
- Olson, D.H. & DeFrain,J. (2000). *Marriage and the Family : Diversity and Strengths*, Mountain View, CA : Mayfield.
- Siti Shamsiah binti Md Supi. (2017, Oktober 19). *Menunaikan Prinsip Maqasid Al-Syariah*. *Utusan Malaysia*, 17. Dimuat turun dari <http://www.ikim.gov.my/index.php/2017/10/09/menunaikan-prinsip-maqasid-al-syariah/>
- Sherman, R., & Dinkmeyer, D. C. (2014). *Systems of family therapy: An Adlerian integration*. New York, NY: Routledge.